

'Formula Malaysia' jadi rebutan

Pemimpin Asia Barat mahu resipi perpaduan pelbagai kaum

BH - 23/5/2006



APABILA rakyat Malaysia ber-kunjung ke luar negara untuk menghadiri seminar atau persidangan terutama di negara membangun dan negara Islam, tanggapan orang luar terhadap kita amat berbeza.

Mereka menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya dan sesetengah program boleh menjadi contoh untuk dilaksanakan di negara mereka.

Misalnya, pada persidangan Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengenai Asia Barat yang berakhir di sini Ahad lalu, yang turut dihadiri oleh pemimpin negara Islam termasuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada satu sesi soal jawab dalam perbincangan berhubung 'Peningkatan Dialog, Mengukuhkan Kerjasama' dengan Abdullah menjadi ahli panel, bersama Perdana Menteri Turki, Perdana Menteri Lubnan dan Perdana Menteri Mesir, seorang peserta - wanita Muslim dari Amerika Syarikat (AS) - bangun bertanya: 'Al-Quran diturunkan di tanah Arab, ditafsir di Turki dan ramai kini menyatakan diamalkan di Malaysia. Bolehkah Tuan Perdana Menteri (merujuk kepada Abdullah) menasihatkan kepada ahli panel yang lain ini, bagaimana Malaysia melakukannya?'

Abdullah yang terkenal dengan ketenangannya, memperjelaskan dengan merujuk kepada masalah perkauman di Malaysia pada 1969 dan bagaimana negara mengadakan dialog dengan semua kaum tanpa mengecualikan mana-mana pihak, mendengar keluhan, menggubal dasar berdasarkan input pada dialog berkenaan dan melaksanakannya dengan jujur.

Dengan penuh diplomasi beliau berkata, itu adalah cara Malaysia mengatasi masalah yang dihadapi dan baginya 'menunjukkan teladan adalah lebih baik daripada

INTI PATI

- Negara luar menganggap Malaysia sebagai sebuah negara berjaya dan sesetengah program boleh menjadi contoh untuk dilaksanakan di negara mereka.
- Perpaduan kaum yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India yang bukan hanya berbilang bangsa, tetapi juga agama dapat hidup dalam suasana harmoni dikagumi oleh negara luar.
- Malaysia disaran mula memainkan peranan pada pentas dunia, menyelesaikan masalah yang berlaku di Asia Barat.
- Orang luar memandang tinggi terhadap kebolehan dan pencapaian negara tetapi sebagai rakyat Malaysia sendiri kadang kala kita tidak puas hati terhadap negara sendiri.

memberi nasihat.'

Selepas itu, Perdana Menteri Lubnan, Fuad Siniora, menceritakan bagaimana negaranya yang bertahun-tahun dibelenggu sengketa agama cuba mengatasi masalah itu dengan berpandukan pada pengalaman Malaysia.

'Saya sudah melihat Malaysia dengan mata saya sendiri yang mana bangsa Melayu, Cina dan India yang bukan hanya berbilang bangsa, tetapi juga agama dapat hidup dalam suasana harmoni. Di Lubnan, kami tidak mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa, rata-rata rakyat kami adalah berbangsa Arab. Tetapi, kami mempunyai fahaman agama yang berbeza dan atas perbezaan itu kami bersengketa,' katanya.

Bagi kalangan hadirin dari Malaysia,

kata-katanya berkenaan membuat air mata mengalir ke pipi, insaf dengan hakikat banyak juga yang betul dilakukan Malaysia.

Perbincangan yang berlangsung lebih sejam itu bermula dengan soalan bertubi-tubi kepada Perdana Menteri Mesir, Ahmed Mahmoud Nazif; Perdana Menteri, Turki Recep Tayyip Erdogan; dan Siniora dari Lubnan dengan pertanyaan berkisar pada masalah yang dihadapi negara berkenaan, pada penghujungnya, beralih pula kepada Abdullah dengan ramai pula yang berminat untuk mengetahui mengenai 'formula Malaysia'.

Bukan hanya perbincangan berkenaan, tetapi pada setiap perbincangan yang Abdullah terbahit, ramai berminat terhadap 'formula Malaysia' ini. Malah, pada satu sesi perbincangan C100, kumpulan orang ternama WEF, ada peserta mahu Malaysia mula memainkan peranan pada pentas dunia, menyelesaikan masalah yang berlaku di Asia Barat terutama mengenai konflik Palestin-Israel yang berlarutan sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua, lebih setengah abad lalu.

'Saya merayu kepada Perdana Menteri agar memainkan peranan dalam menyelesaikan konflik di Asia Barat, membantu membawa pihak terbabit ke meja rundingan untuk menggerakkan semula proses damai,' kata Rabbi Marc Gopin, seorang Yahudi Amerika Syarikat yang kini menjadi profesor Agama Dunia dan Penyelesaian Konflik di Universiti George Mason, Virginia.

Abdullah menjawab: "Saya harap saya boleh membuat sesuatu...adalah menjadi tanggungjawab moral bagi kita semua untuk membantu, lebih-lebih lagi rakyat Palestin yang sudah merana begitu lama."

Apabila ditemui kemudian untuk mendapat penjelasan mengapa beliau mahu Malaysia sedangkan Malaysia adalah negara kecil yang jauh daripada kawasan konflik Asia Barat, Gopin berkata: "Jauh atau kecil tidak menjadi halangan. Malah, soal neutral atau tidak, juga tidak menjadi pertimbangan. Malaysia tidak neutral, sebagai negara Islam sudah tentu ia berpihak

kepada Palestin.

"Tetapi Malaysia mempunyai sesuatu kualiti yang paling berharga. Iaitu ia dipercayai semua pihak. Sebagai perantara, kualiti inilah yang paling penting untuk menyelesaikan konflik.

"Selain itu, Perdana Menteri Abdullah adalah orang agama. Sebagai seorang rabbi (paderi Yahudi), saya memahami bagaimana pentingnya soal agama di Asia Barat.

"Selama ini pihak yang cuba menyelesaikan konflik Palestin-Israel lebih cenderung melihat isu itu dari segi politik atau keselamatan. Abdullah nampaknya melihat isu berkenaan dari sudut yang berbeza," kata Gopin.

Selepas mendengar pandangan orang luar yang memandang tinggi terhadap kebolehan dan pencapaian negara, tertanya-tanya pula mengapa kita sendiri sebagai rakyat Malaysia kadang kala tidak puas hati terhadap negara sendiri.

Mungkin teori yang diutarakan oleh Benjamin Friedman, pakar Ekonomi Harvard dalam buku barunya *The Moral Consequences of Economic Growth* boleh menjadi renungan.

Friedman berkata, pertumbuhan ekonomi tidak semestinya membawa stabiliti kepada sesebuah negara (atau kepuasan kepada rakyat sesebuah negara).

Sebaliknya, persepsi terhadap pertumbuhan itu menjadi penentu penting. Misalnya, jika sesebuah negara begitu lama mencatat pertumbuhan negatif dan kemudian berjaya mengalihnya kepada pertumbuhan satu peratus sekalipun, rakyatnya akan berpuas hati.

Namun, jika sesebuah negara mencatat pertumbuhan tinggi sebanyak lima hingga lapan peratus setahun dan melakukannya untuk masa yang panjang, rakyat akan mula tidak puas hati dan mahu lebih banyak lagi.

Kalau sudah terlalu terbiasa dengan pertumbuhan tinggi, mungkin kita mula terlupa bersyukur. Begitulah, sikap rakus semula jadi manusia yang sekiranya diberi semua sekalipun, tetap akan meminta lebih banyak lagi.